

# Barisan Nasional

BM 11 DEC 1994

## gabungan unik: PM

SEREMBAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, konsep Barisan Nasional (BN) terbukti berjaya menyatukan parti-parti komponen BN dan merapatkan hubungan kaum sehingga membolehkan ekonomi negara mencapai pertumbuhan pesat.

Menurut Perdana Menteri, semua itu dapat dilakukan kerana kerajaan BN mempraktikkan falsafah demokrasi yang berteras-kan keadilan.

Beliau berkata, apa yang penting ialah rakyat menaruh kepercayaan tinggi terhadap kemampuan BN dalam mengurus dan menadbir negara dengan baik.

"BN adalah parti yang mengambil kira kepentingan pelbagai kaum.

"Justeru itu, kita mesti-

lah berusaha untuk memperkukuhkan institusi politik yang unik ini agar negara kita terus menikmati keharmonian kaum dan pembangunan yang pesat," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC di Kolej Tafe di sini, semalam.

Perhimpunan disertai 1,250 perwakilan itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Pengerusi BN Negeri, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan pemimpin parti komponen BN.

Dr Mahathir berkata, rakyat harus berbangga kerana Malaysia berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi, di samping mewujudkan pengagihan ke-

kayaan yang saksama.

Rakyat daripada pelbagai kaum tidak ketinggalan menikmati hasil kekayaan negara dan bersama-sama merebut peluang yang wujud hasil perkembangan ekonomi, katanya.

Beliau berkata, pendapatan per kapita rakyat Malaysia dianggarkan melebihi RM9,000 dan jika diukur dari segi kuasa membeli, nilai sebenar pendapatan ini adalah jauh lebih tinggi, iaitu melebihi sekali ganda.

"Dalam kita menikmati kejayaan ini, kita harus terus berhati-hati menggunakan sumber yang ada. Peningkatan pendapatan hasil pertumbuhan ekonomi yang tinggi, perlu digunakan sebaik mungkin.

"Paras tabungan negara

yang tinggi adalah sumber dana yang penting untuk membiayai pelaburan dalam negeri kerana aliran masuk modal asing dijangka terjejas akibat meningkatnya persaingan dengan negara membangun lain, terutama daripada negara yang baru muncul," katanya.

Katanya, analisis Bank Dunia menunjukkan Malaysia adalah sebuah negara di mana pertumbuhan ekonominya adalah hasil peningkatan pelaburan.

Walaupun negara perlu meningkatkan sumbangan yang lebih besar daripada penggunaan teknologi dan kecekapan pengurusan, usaha mewujudkan iklim pelaburan yang baik untuk pelabur asing harus diteruskan, katanya.